



---

**Pekeling Ketua Pengarah Tanah Dan Galian Persekutuan  
Bilangan 3/2002**

---

**Garis Panduan Pelaksanaan Keputusan Majlis Tanah Negara Yang  
Ke-55 Berhubung Dengan Sekolah Bantuan Modal**

---



**JABATAN KETUA PENGARAH TANAH DAN GALIAN PERSEKUTUAN  
KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR  
PUTRAJAYA**

© Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan, 2010

**Hak cipta terpelihara.** Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan dalam bentuk yang boleh diperoleh semula atau dihantar dalam sebarang bentuk atau apa jua cara sama ada secara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman atau sebaliknya tanpa mendapat keizinan terlebih dahulu daripada Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan.

## **Maklumat Dokumen**

Tajuk dokumen	Pekeliling Ketua Pengarah Tanah Dan Galian Persekutuan Bilangan 3/2002
Disediakan oleh	Seksyen Kajian Penyelidikan dan Pembangunan, Bahagian Kemajuan Pengurusan dan Perundangan, Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan
Alamat	Aras 4, Blok Menara, Wisma Sumber Asli, Presint 4, No. 25, Persiaran Perdana, Presint 4 Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62574 Kuala Lumpur
Telefon	03-88712668
Faks	03-88810802
E-mel	skpp@kptg.gov.my
Kategori dokumen	Terbuka
Tarikh kuat kuasa	1 Januari 2010

## Kawalan Versi Dokumen

**Pekeliling Ketua Pengarah Tanah Dan Galian Persekutuan**  
**Bilangan 3/2002**

**Garis Panduan Pelaksanaan Keputusan Majlis Tanah Negara Yang Ke-55**  
**Berhubung Dengan Sekolah Bantuan Modal**

1. Pekeliling ini bertujuan menasihatkan semua Pendaftar Hakmilik dan Pentadbir Tanah berhubung dengan pelaksanaan keputusan Majlis Tanah Negara yang ke-55 pada 26 Oktober 1999 mengenai Sekolah Bantuan Modal.

2. Mesyuarat Majlis Tanah Negara tersebut di atas telah memutuskan seperti berikut:

- "(a) Kerajaan-Kerajaan Negeri menyelaraskan kadar cukai tanah tapak Sekolah Bantuan Penuh Bukan Milik Kerajaan (Sekolah Bantuan Modal) dan menetapkannya pada satu kadar nominal RM1.00 (satu Ringgit) bagi satu hakmilik;
- (b) Kerajaan-Kerajaan Negeri mengurangkan jumlah tunggakan cukai tanah berkenaan yang sedia ada kepada kadar nominal RM1.00 (Satu Ringgit);
- (c) Tanah-tanah yang diliputi di bawah dasar ini hanyalah yang digunakan untuk tapak Sekolah Bantuan Penuh Bukan Milik Kerajaan (Sekolah Bantuan Modal) yang:
  - (i) diperakukan oleh Kementerian Pendidikan; atau
  - (ii) berdaftar dengan Majlis/Jabatan Agama Islam Negeri-Negeri
- (d) Tuan-tuan punya tanah tapak Sekolah Bantuan Modal yang telah tamat tempoh dan ingin menyambung pajakan tanah tersebut, membuat permohonan kepada Kerajaan-Kerajaan Negeri melalui akan menyambung pajakan tanah tersebut atas budi bicaranya setelah mendapat sokongan daripada Kementerian Pendidikan; dan
- (e) Negeri-negeri Sabah dan Sarawak turut menggunakan pakai dasar ini."

3. Untuk melaksanakan keputusan-keputusan Majlis Tanah Negara tersebut di atas, semua Pendaftar Hakmilik dan Pentadbir Tanah hendaklah mengambil tindakan seperti berikut:

3.1. Peremitan Cukai Tanah Tahun Semasa

Bagi peremitan cukai tanah daripada kadar cukai tanah yang sedia ada kepada kadar cukai tanah kepada RM 1.00 bagi satu lot setahun, pemilik tanah sekolah hendaklah memohon kepada Pihak Berkuasa Negeri melalui Pentadbir Tanah dengan menggunakan **Borang SBM1**. Permohonan hendaklah disertakan surat perakuan dan pengesahan daripada Jabatan Pendidikan Negeri. Pihak Berkuasa Negeri boleh memberi arahan supaya peremitan cukai tanah tersebut berkuat kuasa sehingga penyemakan cukai tanah pada tahun 2004 menurut seksyen 101 Kanun Tanah Negara.

3.2. Hapuskira Tunggakan Cukai Tanah

Bagi menghapuskan cukai tanah yang telah bertungggak, pemilik tanah sekolah hendaklah memohon kepada Pihak Berkuasa Negeri melalui Pentadbir Tanah dengan menggunakan **Borang SBM2**.

3.3. Pajakan Tanah Yang Telah Tamat Tempoh Pajakan

Bagi pajakan tanah yang telah tamat tempoh, pemilik tanah hendaklah membincangkan dengan Kementerian Pendidikan berhubung dengan dasar pemilikan tanah sekolah yang berkenaan seterusnya iaitu sama ada tapak sekolah diberimilik kepada Pesuruhjaya Tanah Persekutuan bagi tujuan pendidikan atau kepada pemilik asal.

#### 3.4. Pajakan Tanah Yang Akan Tamat Tempoh Pajakan

Bagi pajakan tanah yang akan tamat tempoh pajakan, permohonan hendaklah dibuat kepada Pihak Berkuasa Negeri melalui Pentadbir Tanah untuk mendapat keputusan dasar sama ada tanah akan diberimilik atau tidak dengan menggunakan **Borang SBM3**. Salinan surat persetujuan daripada Kementerian Pendidikan hendaklah disertakan bersama dengan permohonan. Sekiranya tapak sekolah mempunyai lebih daripada satu hakmilik, tanah-tanah hendaklah disatukan (*amalgamated*). Setelah mendapat kelulusan dasar permohonan rasmi melalui Jadual Satu, Kaedah Tanah Negeri hendaklah dibuat oleh pemohon.

Bagi pemberimilikan semula tapak sekolah (tanah-tanah yang telah tamat tempoh pajakannya) adalah di bawah seksyen 79 Kanun Tanah Negara dan syarat-syarat yang patut dikenakan adalah seperti berikut :-

- (a) Keluasan : Ilakut keluasan yang sedia ada.
- (b) Tempoh Pajakan : 30/60/99 tahun.\*
- (c) Jenis Hakmilik : Pendaftar/Pejabat Tanah.\*
- (d) Cukai Tanah : RM1.00 setahun
- (e) Premium : Mengikut budi bicara Pihak Berkuasa Negeri.
- (f) Syarat Nyata : Tanah ini hendaklah digunakan untuk tujuan pendidikan sahaja.
- (g) Sekatan Kepentingan : Tiada sebarang urusniaga tanpa kebenaran Pihak Berkuasa Negeri.

\* Pilihan mengikut budi bicara Pihak Berkuasa Negeri.

#### 3.5. Sebahagian Tanah Yang Digunakan Selain Daripada Tujuan Sekolah

Bagi sebahagian tanah yang digunakan selain daripada kegunaan pendidikan seperti bagi tujuan komersil atau pertanian, pemilik tanah hendaklah membuat permohonan pecah sempadan atau pecah bahagian bagi tanah yang berkenaan supaya hakmilik-hakmilik berasingan dapat dikeluarkan.

#### 3.6. Pelantikan Pemegang Amanah

Bagi tanah yang didaftarkan atas nama individu, badan atau syarikat, ia hendaklah dipindahmilik kepada pemegang-pemegang amanah menurut seksyen 344(1) Kanun Tanah Negara dan Akta Pemegang Amanah 1949 supaya tanah digunakan bagi tujuan sekolah sahaja.

#### 3.7. Tanah Kategori Pertanian Atau Industri Atau Bangunan Tetapi Tiada Syarat Nyata Atau Syarat Nyata Selain Daripada Kegunaan Sekolah


Bagi tanah di bawah kategori pertanian atau industri atau bangunan tetapi tiada syarat nyata atau syarat nyatanya adalah selain daripada kegunaan sekolah, tuan tanah hendaklah memohon untuk menukar kepada kategori bangunan atau dikenakan atau dipinda syarat nyata yang baru. Syarat nyata yang baru adalah seperti berikut:

"Tanah ini hendaklah digunakan semata-mata untuk tujuan tapak Sekolah Bantuan Penuh Bukan Milik Kerajaan".

3.8. Bayaran

Bayaran-bayaran berhubung dengan pelaksanaan keputusan Majlis Tanah Negara tersebut seperti fee permohonan, tukar kategori, tukar syarat nyata dan sebagainya hendaklah dikecualikan atau dikurangkan kepada suatu kadar yang nominal mengikut budi bicara Pihak Berkuasa Negeri.

4. Pekeliling ini dikeluarkan dengan persetujuan semua Pengarah Tanah Dan Galian Negeri dan Jabatan Peguam Negara dan berkuat kuasa mulai tarikh ia dikeluarkan.

  
**(DATO' HAJI YIDRIS BIN HAJI ABDULLAH)**  
**Ketua Pengarah Tanah Dan Galian Persekutuan**

No. Fail: KTPK/101/KPU/799 JId. 3 (87)

Tarikh : 13 Disember 2002

**BORANG PERMOHONAN PEREMITAN CUKAI TANAH  
SEKOLAH BANTUAN MODAL**

Kepada:

Pentadbir Tanah,

Daerah .....

Saya/Kami\* .....

Beralamat ..... pemilik tanah sekolah

.....  
Poskod .....

Dengan ini memohon supaya cukai tanah dikurangkan kepada RM1.00 setahun bagi setiap hakmilik sehingga penyemakan cukai tanah di bawah seksyen 101 Kanun Tanah Negara yang akan datang.

Bertarikh ..... 20.....

.....  
Tandatangan Pemilik Tanah

**JADUAL**

Bandar/Pekan/Mukim .....

Jenis dan Nombor Hakmilik	No. Lot/No. P.T	Cukai Tanah Semasa

**BORANG PERMOHONAN MENGHAPUSKIRA TUNGGAKAN CUKAI  
TANAH SEKOLAH BANTUAN MODAL**

Kepada:

Pentadbir Tanah,

Daerah .....

Saya/Kami\* .....

beralamat .....

Poskod .....

Pemilik tanah sekolah .....

Alamat Sekolah ..... Poskod .....

Dengan ini mengaku bahawa jumlah cukai tanah yang bertunggak adalah RM ..... dan memohon supaya jumlah tersebut dihapus kira.

Bertarikh ..... 20.....

.....  
Tandatangan Pemilik Tanah

**JADUAL**

Bandar/Pekan/Mukim .....

Jenis dan Nombor Hakmilik	No. Lot/No. P.T	Jumlah Cukai Tanah Yang Bertunggak

**BORANG PERMOHONAN MENDAPAT KELULUSAN DASAR  
UNTUK FEMBERIMILIKAN BAGI PAJAKAN TANAH YANG AKAN TAMAT  
TEMPOH SEKOLAH BANTUAN MODAL**

Kepada:

Pentadbir Tanah,

Daerah .....

Saya/Kami\* .....

beralamat .....

Poskod .....

Pemilik tanah/sekolah .....

Alamat Sekolah ..... Poskod .....

Dengan ini memaklumkan bahawa tempoh pajakan tanah sekolah tersebut akan luput pada .....(bulan/tahun) dan memohon untuk mendapat kelulusan dasar supaya diberimilik semula tanah bagi tujuan pendidikan.

Bersama-sama ini disertakan salinan surat perakuan daripada Kementerian Pendidikan Bil. ..... bertarikh .....

Bertarikh ..... 20.....

.....  
Tandatangan Pemilik Tanah

**JADUAL**

Bandar/Pekan/Mukim .....

Jenis dan Nombor Hakmilik	No. Lot/No. P.T	Jumlah Cukai Tanah Yang Bertunggak